

KUALA LUMPUR, 16 OKTOBER (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD, (PERIKATAN-KOTA STAR) HARI INI MENGGESA FILIPINA SUPAYA MENGUGORKAN TUNTUTAN-NYA KA-ATAS SABAH UNTUK PENGENDORKAN KETEGANGAN ANTARA DUA BUAH NEGARA.

BERUCAP MENYOKONG USUL MENOLAK DAN MENGISTIHARKAN UNDANG2 FILIPINA MERAMPAS SABAH TIDAK SAH, DI-DEWAN RAAYAT PARI INI, BELIAU BERKATA, + KITA TELAH DI-BERITAHU BAHAWA TIMBALAN PERDANA MENTERI, TUN ABDUL PAKAK AKAN PERGI KA-TOKYO UNTUK BERUNDING DENGAN SETIUSARA LUAR FILIPINA, TUAN RAMOS, +

+TUAN RAMOS TELAH MENGUMUNKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MENGAKUI TIMBALAN PERDANA MENTERI BERCHAKAP BAGI PENAK SABAH, +

+SAKIRA-NYA TIMBALAN PERDANA MENTERI PERGI BERUNDING, INI BERMAANA BELIAU MENEMINA PENDAPAT FILIPINA, YANG SABAH BUKAN-LAH SA-BAHAGIAN DARI WILAYAH MALAYSIA, + UJAR DR. MAHATHIR.

PARLIMEN - SABAH 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, RUNDINGAN UNTUK MENGENDORKAN KETEGANGAN ANTARA DUA BUAH NEGARA, TIDAK KENA PADA TEMPAT-NYA LAGI.

+KITA PERPENDAPAT BAHAWA KETEGANGAN ANTARA DUA BUAH NEGARA ITU ADA-LAH AKTIFAT SINDAKAN FILIPINA MELULUSKAN UNDANG2 MERAMPAS SABAH, +

+UNTUK MENGENDORKAN KETEGANGAN FILIPINA NESTI-LAH MEMBUAT PENGAKUAN MEMANSORKAN UNDANG2 ITU DULU, +

+SA-LAGI UNDANG2 ITU MASIH ADA, BAKA KETEGANGAN AKAN TERUS WUDD DI-ANTARA MALAYSIA DAN FILIPINA, +

+SAYA TIDAK MAMPAK BAGAIMANA RUNDINGAN DI-TOKYO ITU AKAN MENCHAPAI KEJAYAAN, + TAMBAH DR. MAHATHIR.

BELIAU JUGA TELAH MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MEMBELI ALAT2 KELENGKAPAN PERANG MODEN SAFERTI PELURU BERPANDU.

+DENGAN ALAT2 KELENGKAPAN INI, MENURUT DR. MAHATHIR, FILIPINA AKAN BERFIKIR DUA KALI BARIKADA MENGAMALKAN SIKAP BERMUSOH ITU.

BERNAMA BERBAMBONG 1238

508:

PARLIMEN - SABAH 3 KUALA LUMPUR

KATA-NYA, +SEKARANG FILIPINA TELAH MENJADIKAN SABAH AILEK-NYA TETAPI APA-KAH JAMINAN YANG PERBUATAN-NYA ITU TIDAK AKAN MEMBULKAN KEKACHAUAN, +

+ORANG2 FILIPINA PUKAN-LAH TERKENAL SA-BAGAI ORANG2 YANG PATOK KAPADA UNDANG2, + TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR TELAH MENYATAKAN KEMUNGKINAN KEKACHAUAN TERBULU BERIKUTAN DENGAN TERDAR TANDUK FILIPINA ITU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ORANG2 MALAYSIA TIDAK +INGIN+ BERMUSOH DENGAN ORANG LAIN.

+BAGAIMANA PUN MAHU TIDAK MAHU, KITA SA-KALI LAGI TELAH DI-SERET UNTUK BERTUKAI DENGAN SAHABAT KITA, + UJAR-NYA.

45
PARLIEMEN -- SABAH 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA TUJUAN FILIPINA MERAMPAS SABAH ADA-LAH UNTUK +MENAREK+ PERHATIAN DUNIA KEPADA NEGERI-NYA YANG SA-LAMA INI DI-ANGGAP OLEH ORANG2 ASIA SA-BAGAI +ORANG YANG KEHILANGAN KETURUNAN ASIA.+

BELIAU MEMBERITAHU FILIPINA BAHAWA ANCAMAN KONFRANTASI-NYA TERHADAP MALAYSIA WALAU PUN SA-HINGGA SA-RATUS TAHUN +TIDAK AKAN MENGGENTARKAN KITA.+

+KITA AKAN MENGADALIKAN URUSAN2 NEGERA KITA DENGAN MENGENEPIKAN PERKARA2 KECIL SAPERTI KONFRANTASI+ SAMBONG
DR. MAHATHIR.

PARLIEMEN -- SABAH 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR KEMUDIAN TELAH MENAREK PERHATIAN DEWAN TENTANG SUMBANGAN BRITAIN SA-BANYAK \$150 JUTA BERIKUTAN DENGAN PENGUNDORAN TENTERA-NYA DARI WILAYAH INI.

BELIAU BERASA KESAL OLEH KERANA JUMLAH BANTUAN ITU TERLALU KECIL JIKA DI-BANDING DENGAN APA YANG DI-PEROLEHI OLEH BRITAIN DARI NEGERI INI SEKIAN LAMA.

+APA YANG KITA TELAH BERI KEPADA BRITAIN ADA-LAH LEBEH DARI-PADA \$150 JUTA ITU, + KATA-NYA.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN BAHAWA RAAAYAT MALAYSIA ADA-LAH BERDIRI TEGUH DI-BELAKANG KERAJAAN DALAM MENGHADAPI +KRISIS SABAH+. BELIAU MENGINGATKAN FILIPINA SUPAYA MENUNJOKKAN SIKAP YANG JUJUR DAN IKHLAS DAN +MENGUGURKAN+ TUNTUTAN-NYA KA-ATAS SABAH JIKA IA BENAR2 HENDAK BERBAIK2 DENGAN MALAYSIA.

BERNAMA BERSAMBONG 1306

513:

PARLIEMEN--SABAH 6 KUALA LUMPUR

+SAKIRA-NYA MARCOS BENAR2 HENDAK BERBAIK2 DENGAN KITA, BELIAU HENDAK-LAH MENGUGURKAN TUNTUTAN-NYA KA-ATAS SABAH DAN JADIKAN SATU UNDANG2 DI-DALAM PERLEMBAGAAN FILIPINA, BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH MERAMPAS SABARANG WILAYAH YANG BUKAN MENJADI WILAYAH MEREKA.

KECHUALI JIKA FILIPINA BERBUAT DEMIKIAN SAYA KHUATIR KONFRANTASI YANG BERMULA SEKARANG TIDAK MUNGKIN SELESAT HINGGA SERATUS TAHUN LAGI.+ KATA DR. MAHATHIR.